

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : [pensarawak@inform.gov.my](mailto:pensarawak@inform.gov.my)

## SERLAHKAN PATRIOTISME BERSAMA BADAN BERUNIFORM

**KUCHING, 28 Julai** – Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2023 mengulangi sejarahnya dengan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 Peringkat Sarawak yang bakal dirasmikan oleh Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg pada 3 Ogos 2023, Khamis, jam 9.30 pagi bertempat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak, Jalan Badruddin, Kuching.

Bertemakan “Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan”, pelancaran peringkat negeri ini merupakan kesinambungan daripada pelancaran di peringkat kebangsaan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, Ipoh, Perak pada 16 Julai lalu.

Uniknya, sambutan yang berorientasikan kepelbagaian dalam perpaduan anjuran bersama oleh Jabatan Penerangan (JAPEN) Malaysia, Sarawak dan rakan strategik iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Bintulu Port Holding Berhad (BPHB) menjanjikan momentum kemeriahan sambutan luar biasa melibatkan penyertaan komuniti, warga kerja dan sekolah, badan beruniform termasuk individu ‘Segulai Sejalai’ (seiring berjalan) menyemarakkan semangat kemerdekaan.

Antara pengisian pada 3 Ogos nanti termasuk ikrar Rukun Negara, persembahan *War Cry* oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), serta *Fire Cry* oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), selain daripada persembahan *flashmob* gabungan oleh PENTARAMA JAPEN Sarawak dan Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara Sarawak serta Politeknik Kuching (POLIKU).

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : [pensarawak@inform.gov.my](mailto:pensarawak@inform.gov.my)

Pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KKMJG) 2023 turut akan disempurnakan oleh Premier Sarawak bermula dari IPK Sarawak seterusnya ke bahagian-bahagian utama di negeri ini, termasuk merentasi sempadan hingga ke Sipitang, Sabah.

Pada 3 Ogos, KKMJG 2023 akan memulakan perjalanan dari ibu pejabat JAPEN Sarawak di Jalan Diplomatik menuju ke IPK Sarawak sebelum meneruskan perjalanan pada hari tersebut ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Balai Bomba Tabuan Jaya, seterusnya mengelilingi bandar raya Kuching.

KKMJG2023 ini akan diteruskan pada 8 Ogos 2023 (bermula di ibu pejabat JAPEN Sarawak ke Serian, Sri Aman, Betong, Saratok dan Sibu), 9 Ogos (Sibu, Tatau, Bintulu), 10 Ogos (Bintulu, Miri, Limbang), 11 Ogos (Limbang, Lawas), 12 Ogos (Lawas, Sipitang), 13 Ogos (Sipitang, Lawas), 14 Ogos (Lawas, Brunei Darussalam, Bintulu) dan kembali ke Kuching pada 15 Ogos.

Pada setiap perhentian, turut diadakan pelbagai pengisian seperti program Semarak Gemilang (Pejabat Setiausaha Kerajaan Persekutuan Sarawak, Sibu dan Lawas), Merdeka@Parlimen serta Infesta PENTARAMA Khas di Lawas.

Justeru, orang ramai dijemput untuk bersama-sama menzahirkan rasa cinta kepada negara melalui platform media sosial dengan berkongsi gambar berkaitan dengan aktiviti kenegaraan sambil menyertakan hastag (#) #HKHM2023 #TekadPerpaduanPenuhiHarapan #MalaysiaMADANI #Merdeka360 di laman sosial masing-masing.-TAMAT-

**Bahagian Media dan Komunikasi Korporat**

**Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak**

**28 Julai 2023**